

## **Inggeris patut jadi bahasa utama di tempat awam, bahasa lain juga ada tempat: Tinjauan IPS**

***Berita Harian***, 15 June 2020

WARGA Singapura rata-rata merasakan bahasa Inggeris patut digunakan sejauh mungkin di tempat awam, meskipun bahasa lain masih perlu ada tempat dalam masyarakat, menurut satu tinjauan Institut Pengajian Dasar (IPS).

Tinjauan tersebut berkenaan bangsa, agama dan bahasa di mana pengkaji melakukan analisis data daripada dua set tinjauan yang dijalankan pada 2013 dan 2018. Setiap tinjauan disertai lebih 4,000 responden.

Dalam tinjauan 2018 itu, sehingga 71 peratus responden dari pelbagai kumpulan etnik berkata mereka rasa interaksi antara kaum di tempat awam patut dilakukan dalam bahasa Inggeris, lapor *The Straits Times*.

"Secara umum, trend yang dilihat ialah orang merasakan bahawa...kita harus berusaha mengurangkan pengecualian sosial sebanyak mungkin," kata Dr Mathew Mathews, salah satu penyelidik tinjauan Kemahiran, Identiti dan Pengurusan Bahasa.